

# Kes demam denggi meningkat

1,420 kes dilaporkan tertinggi sejak 2021, tiada kematian dicatat

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Jumlah kes demam denggi yang dilaporkan di negara ini pada Minggu Epidemiologi (ME) 20/2022 iaitu 15 hingga 21 Mei ini meningkat 32.2 peratus iaitu sebanyak 1,420 kes berbanding 1,074 kes pada minggu sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ia sekali gus menjadikan jumlah kes tertinggi pernah dilaporkan sejak 2021, namun tiada kes kematian dilaporkan akibat komplikasi de-



Anggota Pasukan Kawalan Vektor, Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut menjalankan semburan kabus di kawasan berisiko tempat pembiakan nyamuk Aedes di sekitar Georgetown, baru-baru ini. (Foto BERNAMA)

mam denggi.

“Kes kumulatif bagi demam denggi yang dilaporkan sehingga kini sebanyak 16,145 berbanding 10,597 kes bagi tempoh sama pada 2021 iaitu peningkatan sebanyak

5,548 kes atau 52.4 peratus.

“Selain itu, sejumlah sembilan kes kematian akibat komplikasi denggi dilaporkan berbanding lima kes bagi tempoh sama pada tahun 2021,” katanya dalam ke-

nyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, berikutan itu, Kementerian Kesihatan (KKM) sudah mengesan sebanyak 41 lokaliti titik panas pada ME 20/2022 berbanding

minggu sebelumnya.

Daripada jumlah titik panas berkenaan, sebanyak 36 lokaliti di Selangor, tiga lokaliti membabitkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, manakala masing-masing satu kes di Melaka dan Sabah.

“Dalam keadaan penularan jangkitan demam denggi yang tinggi ketika ini, setiap lapisan masyarakat perlu bertindak proaktif memastikan persekitaran premis kediaman, tempat kerja dan sebagainya bebas daripada tempat pembiakan nyamuk Aedes.

“Jawatankuasa Penduduk, Badan Pengurusan Bersama (JMB), Rukun Tetangga atau pihak berwajib diminta menggerakkan komuniti untuk segera melakukan aktiviti cari dan musnah pembiakan nyamuk Aedes.

“Selain itu, gunakan kaedah pencegahan seperti ‘repellent’ dan semburan aerosol di tempat tersembunyi dalam premis untuk membunuh nyamuk dewasa,” katanya.